

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN**  
**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**  
**17 OGOS 2018**

**Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:  
Bahagian A : 30 Soalan Objektif  
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek  
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :  
Bahagian A : Semua Soalan  
Bahagian B : 7 Soalan sahaja  
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**\*\*\*\* SEMOGA BERJAYA \*\*\*\***

**BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF**

1. Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) merupakan Skim Tambahan kepada Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP). Berapakah Kadar Caruman serta Jumlah Maksima Caruman setiap bulan bagi pekerja dan majikan?
  - a. Kadar Caruman Pekerja 2.5%, Majikan 2.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
  - b. Kadar Caruman Pekerja 5%, Majikan 5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja dan Majikan tidak terhad
  - c. Kadar Caruman Pekerja 3.5%, Majikan 3.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
  - d. Kadar Caruman Pekerja 3%, Majikan 3%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
  
2. Penguasa Tatatertib bagi kakitangan Bahagian V adalah
  - a. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
  - b. Setiausaha Tetap
  - c. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - d. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  
3. Siapakah yang boleh memberi kebenaran Cuti Tanpa Catat ?
  - a. Setiausaha Tetap
  - b. Jurukira Agung
  - c. Juruaudit Agung
  - d. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  
4. Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memerhatikan bahawa jika seorang pegawai/kakitangan telah sakit beberapa lama, maka adalah kewajipan Ketua Jabatan mengambil tindakan.
  - a. mengadukan perkara ini kepada Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan berserta sekeping kertas Medical Board.
  - b. mengarahkan pegawai/kakitangan tersebut untuk mendapatkan Cuti Sakit
  - c. mengarahkan pegawai/kakitangan tersebut untuk mengambil cuti tahunan
  - d. mengarahkan pegawai/kakitangan tersebut untuk mengambil cuti tidak bergaji

5. Seorang pegawai telah dibenarkan untuk mendapatkan kemudahan elaun dari rumah ke pejabat. Pegawai ini menggunakan kenderaan miliknya sendiri dan jarak jauh dari rumah ke pejabatnya adalah melebihi 43.5 km. Berapakah kadar elaun yang akan diterimanya sebulan?
  - a. \$85
  - b. \$58
  - c. \$55
  - d. \$52
  
6. Kebenaran memangku akan diberikan oleh pihak-pihak tertentu mengikut taraf jawatan dan tempoh memangku. Pihak manakah yang memberi kebenaran bagi jawatan yang dipangku melebihi 180 hari atau bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seorang pegawai untuk ditetapkan (substantive acting) dalam jawatan yang dipangkunya?
  - a. Menteri
  - b. Setiausaha Tetap
  - c. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - d. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  
7. Berapakah kadar pembayaran gaji bagi perempuan yang berkahwin mengambil cuti beranak yang telah berkhidmat selama 100 hari
  - a. Gaji Penuh
  - b. Tidak Bergaji
  - c. Suku Gaji
  - d. Separuh Gaji
  
8. Asas kenaikan pangkat mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, adalah
  - a. Kelayakan rasmi, kebolehan dan prestasi
  - b. Kelayakan rasmi, pengalaman dan merit
  - c. Kelayakan tertinggi dan integriti
  - d. Kelayakan rasmi, pengalaman dan senioriti
  
9. Sesuatu jawatan kosong untuk di "trade off" bagi maksud mengadakan gelaran jawatan yang sudah ada di Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan iaitu :
  - a. Kementerian Kewangan
  - b. Jabatan Perdana Menteri
  - c. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - d. Jabatan Perkhidmatan Awam

10. Elaun Pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut didalam negeri yang berumur :
- 10 - 25 tahun
  - 3 - 25 tahun
  - 5 - 25 tahun
  - 5 - 28 tahun
11. Merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai didalam keadaan berikut:
- Dalam proses diambil tindakan tatatertib
  - Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan seberang laut
  - Naik Pangkat ke Bahagian 1
- Apakah satu keadaan lagi?
- Sepanjang tempoh pegawai menjalani Cuti Tidak Bergaji
  - Bertukar gelaran jawatan
  - Mengambil cuti tahunan
  - Bertukar ke Kementerian/Jabatan lain
12. Kadar Pemberian bonus bagi warga perkhidmatan awam seperti yang dinyatakan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil 4/2017 adalah seperti berikut:
- Gred A & B 100%, Gred C 80%, Gred D 50%, Gred E Tidak ada bonus
  - Gred A sehingga D 100%, Gred E 50%
  - Gred A sehingga C 100%, Gred D & E 50%
  - Gred A 100%, Gred B 90%, Gred C 80%, Gred D 60%, E 50%
13. Siapakah yang boleh memberikan Cuti Tidak Bergaji bagi tempoh 25 hari kerana pemohon hendak menunaikan fardhu haji atas perbelanjaan sendiri?
- Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Jurukira Agung
  - Ketua Jabatan



14. Dayang Rabiatul binti Awang Borhan adalah seorang pegawai dalam Bahagian III dengan gaji sebulan ialah \$1,990 dalam perjawatan tetap dan berkhidmat lebih daripada 15 tahun. Dia mempunyai seorang suami yang bekerja di sektor swasta dan 3 orang anak yang berumur 15 tahun, 10 tahun dan 18 bulan. Dayang Rabiatul memohon Elaun Cuti. Berapakah jumlah elaun cuti yang bakal diterimanya bagi dirinya dan keluarganya?
- \$5,375
  - \$4,700
  - \$6,300
  - \$6,050
15. Penguasa Tatatertib bagi para pegawai dan kakitangan yang bergaji hari ialah :
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
  - Menteri
  - Ketua Jabatan
  - Pengarah Pentadbiran Kementerian
16. Warga Perkhidmatan Awam yang keluar negeri tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan adalah menyalahi peraturan. Apakah tindakan yang boleh diambil keatasnya?
- Dibuang kerja dengan tidak perlu diadakan perbincangan tatatertib
  - Diberikan amaran bertulis dan diturunkan pangkat
  - Diturunkan pangkat dan gaji dan dipindah ke Jabatan Perkhidmatan Awam
  - Digantung dariapda menjalankan tugas serta merta dan gaji dan segala elaun ditahan 50%
17. Bagi pegawai/kakitangan yang sedang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut dan berhasrat untuk meninggalkan negeri tempat berkursus semasa sesi kursus perlu mendapatkan kebenaran daripada institusi di mana pegawai/kakitangan mengikuti program latihan/kursus/pengajian dan
- mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - memaklumkan Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di negara tempat pengajian
  - memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan
  - Kebeneran tidak perlu diperolehi

**BAHAGIAN C**

**Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.**

**SOALAN 1 – MEMANGKU JAWATAN**

1. Terangkan dalam keadaan mana sesuatu jawatan itu hanya boleh dibenarkan memangku menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/2008.

**(2 Markah)**

2. Terangkan tempoh lantikan memangku yang boleh dibayar menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/2008.

**(2 Markah)**

3. Terangkan dengan memberikan contoh apa yang dimaksudkan lantikan memangku hanya dibenarkan pada peringkat 2 talian sahaja.

**(2 markah)**

4. Terangkan kadar elaun memangku perenggan 4.1 dan 4.2 menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 4/2008.

**(4 markah)**

5. Nyatakan kuasa membenarkan memangku jawatan.

- i. Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap.
- ii. Ketua Jabatan .
- iii. Pegawai yang paling kanan selepas Ketua Jabatan atau Pengarah dan Jawatan lain di Pejabat Setiausaha Tetap .
- iv. Timbalan/Penolong Ketua Jabatan atau Pengarah bagi Jabatan yang mempunyai Jawatan Pengarah dan Jawatan-jawatan lain .
- v. Semua Jawatan dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS) bagi tempoh 180 hari atau lebih.

**(5 ½ markah)**

6. Sebutkan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam yang tidak boleh dilantik memangku.

**(2 markah)**

**SOALAN 2 – Kelakuan dan Tatatertib**

1. Sila nyatakan Penguasa Tatatertib bagi pegawai/kakitangan yang dalam Bahagian I, II, III, IV dan V serta bergaji hari?  

**(2 markah)**
2. Apakah dasar yang digunakan dalam melaksanakan tindakan tatatertib?  

**(5 Markah)**
3. Tindakan yang perlu diambil Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan jika pegawai/kakitangan mendapat hukuman sabit kesalahan jenayah.  

**(3 ½ markah)**
4. Kegagalan pegawai melaporkan ketidakhadiran pegawai/kakitangan akan dikenakan tindakan tatatertib. Bagaimanakah tindakan yang dimaksudkan?  

**(2 markah)**
5. Senaraikan 5 sahaja Tindakan Tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam mengikut kesalahan yang dilakukan.  

**(5 markah)**

**SOALAN 3 – Pengiklanan Jawatan-Jawatan Kosong**

Jabatan Perkhidmatan Awam mempunyai (7) kekosongan jawatan. Dua (2) Pegawai Kakitangan Kanan, tiga (3) Penolong Pegawai Kakitangan, dua (2) jawatan Kerani. Jawatankuasa Pengurusan memutuskan supaya Jawatan Pegawai Kakitangan Kanan untuk diberi peluang dalaman manakala jawatan Penolong Pegawai Kakitangan untuk diambil dikalangan graduan lepasan ijazah dan urusan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri. Awda selaku pegawai yang mengendalikan hal ehwal pentadbiran, diminta untuk memberikan cadangan yang khusus bagi memenuhi keperluan di atas.

1. Terangkan kaedah-kaedah pengiklanan yang memenuhi ketiga-tiga jenis jawatan berkenaan.

**(6 markah)**

2. Selain daripada kaedah di atas sila terangkan satu lagi kaedah pengiklanan.

**(2 markah)**

3. Terangkan kaedah penubuhan jawatankuasa pengambilan bergaji hari dan penetapan jawatan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007.

**(4 ½ Markah)**

4. Kadar Pembayaran Gaji Hari bagi yang berkelulusan HND, Ijazah Lulus, Ijazah Kepujian, Ijazah Sarjana, PhD.

**(5 Markah)**